

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Peringkat remaja merupakan peringkat yang kompleks dalam perkembangan manusia. Kebanyakan ahli psikologi atau sosiologi mengelaskan peringkat remaja bagi mereka yang berumur antara dua belas tahun hingga lapan belas tahun. Golongan ini akan mengalami era perubahan yang besar dalam hidup mereka. Perubahan peringkat ini tidak lagi sama seperti mana-mana peringkat perkembangan semasa kanak-kanak. Mereka akan mengalami pengalaman baligh yang akan memberi kesan kepada seluruh sistem fizikal, fisiologi dan psikologi (Coleman, 1980). Mereka juga akan menjadi lebih matang dari sudut kognitifnya. Perubahan yang besar juga meliputi perubahan dalam konsep kendiri dan juga cara penyesuaian dalam hubungan sosial.

Justru itu, wujud pelbagai isu berkaitan remaja yang telah menjadi perbualan, perbincangan dan juga kajian oleh pelbagai pihak. Terdapat banyak pihak memberi pengaruh dalam pembentukan tingkah laku remaja seperti ibu bapa, keluarga, sekolah, masyarakat, persekitaran, pendidik dan juga ahli-ahli psikologi atau sosiologi. Namun demikian, isu kenakalan, perlanggaran disiplin, keruntuhan moral telah menjadi lebih sinonim dengan masyarakat remaja. Terdapat banyak keluhan, artikel atau berita di akhbar-akhbar yang mengaitkan golongan remaja dengan tingkah laku yang tidak bersesuaian dengan kehendak masyarakatnya.

Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai penafsiran yang tersendiri tentang remaja mereka. Oleh itu persoalan yang penting ialah bagaimana sesuatu masyarakat itu melihat golongan remaja ini sebagai golongan yang membesar dan berkembang. Di China masyarakatnya lebih membenarkan golongan kanak-kanak dan remaja melakukan sesuatu yang dianggap salah oleh masyarakatnya, sehingga kepada suatu umur tertentu, dan selepas itu masyarakatnya masih lagi memantau berterusan tingkah laku golongan kanak-kanak dan remaja (Gibbens & Ahrenfeldt, 1966). Di Laos, kesalahan juwana hanya akan diuruskan bila seorang kanak-kanak itu di gari atau dimasukkan ke dalam penjara, dan tidak akan ada orang dewasa yang akan mengambil tahu kes-kes begini dan boleh dikatakan tidak ada atau amat sedikit kes kenakalan remaja dilaporkan. (Gibbens & Ahrenfelt, 1996). Walau bagaimanapun kita patut menyedari hakikat bahawa masalah kenakalan remaja merupakan satu keadaan yang memerlukan pertolongan dari orang dewasa.

Dalam kehidupan seharian, manusia menggunakan segala aspek kognitif, pengetahuan dan juga emosi untuk berinteraksi antara satu sama lain dan juga dalam menentukan apa yang akan mereka lakukan. Semasa manusia berhubung, mereka bertindak balas dengan berbagai perasaan seperti takut, marah, benci, kasih sayang, empati dan lain-lain. Maka berbagai emosi ini akan memainkan peranan yang penting dalam membentuk tingkah laku mereka.

Dari konsep sosiologi, emosi berbeza dengan tanggapan umum. Emosi merupakan elemen yang penting dalam tingkah laku manusia. Sebaliknya, emosi kerap kali bersama dalam membentuk tingkah laku yang rational. Manusia bukan sahaja berusaha untuk mencapai cita-cita atau sesuatu matlamat, tetapi mereka melakukannya bersama dengan perasaan seperti marah, geram dan juga keazaman yang mana ia boleh meningkatkan keupayaan untuk mendapatkan apa yang mereka mahu. Begitu juga bila manusia melibatkan diri dalam sesuatu peranan, maka mereka akan melakukannya sepertimana sikap diri dan juga perasaannya. Ahli sosiologi melihat faktor yang lebih penting terhadap emosi bukan hanya respon seseorang individu kepada individu yang lain atau kepada sesuatu keadaan, malah emosi adalah asas kehidupan. Ia merupakan pengalaman-pengalaman yang bermakna yang begitu banyak dan berbagai bentuk tingkah laku, dan kesannya juga terhadap sosial dan bukan hanya individu" (Hewitt, 1979).

Pada zaman remaja seorang individu itu membentuk identitinya sebagai persediaan bagi menghadapi cabaran dunia dewasanya. Identiti ini dibina

dengan beransur-ansur berdasarkan konsep kendirinya yang dihasilkan daripada interaksinya dengan alam sekitar terutama dengan manusia yang penting dan mempengaruhi dirinya (Erikson, 1968). Oleh sebab mereka ini sedang beralih daripada alam kanak-kanak untuk memasuki alam dewasa, maka mereka berada dipertengahan jalan, mereka bukanlah kanak-kanak dan juga bukan orang dewasa. Apabila mereka menceburi dunia orang dewasa dan cuba melakukan apa yang dilakukan oleh orang dewasa, kadang kala mereka dihalang dan dicemuh oleh golongan dewasa. Apabila mereka berperangai seperti kanak-kanak golongan dewasa sering menegur dan mengingatkan mereka sudah 'tua' dan jangan berperangai seperti budak-budak. Oleh yang demikian golongan remaja ini tidak diterima oleh mana-mana pihak samada tua mahupun muda.

Selain daripada menghadapi masalah untuk menilai identiti, golongan remaja juga menghadapi tekanan akibat daripada perubahan-perubahan fizikal, mental, emosi dan hubungan manusia yang paling hebat (Shaffer, 1993).

Dari segi fizikalnya mereka bertukar bentuk dan rupa dengan cepatnya. Seorang remaja lelaki bertukar suara (menjadi garau) dan bulu-bulu di badan seperti misai, janggut dan bulu romah akan tumbuh dengan lebat. Manakala bagi perempuan akan bertukar menyerupai wajah dewasa. Ianya juga mula mengalami haid dan kalau tidak disediakan kefahaman tentang kedatangan haid ini, ia boleh menjadi keliru, bimbang dan tidak tahu apa yang hendak dilakukan.

Jika perkembangan fizikal ini muncul terlampau awal dan rakan-rakan sebaya belum lagi berubah ia akan berasa janggal atau tidak seimbang dengan mereka (Schave & Schave, 1989). Perkembangan awal ini boleh menimbulkan perasaan yang ianya tidak sebaya dan mungkin tidak direima oleh rakan-rakannya. Jika perkembangan fizikal ini terlampau lambat pula, akibat yang sama akan muncul juga. Ia mungkin berasa ketinggalan dan tidak diterima oleh rakan-rakan sebayanya dan penerimaan rakan sebaya adalah satu faktor yang sangat penting dalam perkembangan seseorang individu itu (Adam, 1976). Pada masa ini juga remaja berada di dalam keadaan yang mempersoalkan diri sendiri. Inilah masanya ia terlampau sensitif dan mudah tersinggung.

Berdasarkan kepada hakikat inilah penyelidik membuat andaian bahawa pelajar-pelajar remaja masa kini pasti mengalami pelbagai tekanan emosi yang amat hebat dan akhirnya akan menimbulkan pebagai masalah gejala sosial dalam masyarakat. Remaja menghadapi masalah yang berbeza di antara individu dengan individu yang lain. Keupayaan menghadapi masalah ini bergantung pula kepada pengalaman dan didikan yang diperolehi sepanjang mereka membesar.

2.2 Latar Belakang Teoritikal

Terdapat banyak teori yang berkaitan dengan emosi. Teori-teori ini wujud dari pelbagai perspektif dan andaian dan bergantung kepada persoalan

yang ditekankan. Antara teori-teori emosi yang bersesuaian dengan tujuan kajian disusun mengikut kronologi adalah seperti berikut.

2.2.1 Teori James-Lange (W.James)

Teori James-Lange merupakan teori emosi yang paling terkenal dan telah wujud pelbagai kontroversi di kalangan ahli-ahli psikologi. Teori ini terbentuk hasil kajian William James dari Amerika Syarikat dan Carl Lange dari Denmark pada tahun 1884. Kedua-dua mereka memberi pendapat yang sama dan dikenali sebagai teori James-Lange. Teori ini berbeza dengan pandangan lazim iaitu manusia bila bertemu beruang, mereka merasa takut dan lari kerana takut, tetapi pendapat teori ini berbeza kerana manusia bila bertemu beruang, mereka akan melarikan diri kemudian baru merasa takut. Menurut mereka emosi takut hanya akan timbul selepas terdapat perubahan fisiologi seperti jantung semakin cepat berdegup dan otot-otot semakin tegang dan berpeluh. Teori ini telah menjadi faktor stimulasi kepada kajian-kajian emosi seterusnya. Teori ini menganggap semua teori emosi mempunyai 'a distinct bodily expression'.

'...the bodily changes follow directly the perception of the existing fact, and that our feeling of the same changes as they occur is the emotion'(m.s14)

2.2.2 Teori Cannon – Bard

Cannon (1927) mengemukakan teorinya selepas teori James-Lange. Teori Cannon merujuk kepada teori thalamic iaitu yang pertama dalam teori-

teori yang berkaitan dengan teori neuropsikologikal. Cannon (1929) menyatakan bahawa dalam mana-mana emosi yang wujud adalah merupakan kaitan dengan peristiwa. Suasana persekitaran akan meransangkan deria penerima yang akan menghantar impuls secara serentak kepada lapisan korteks serebrum dan organ visera. Lapisan korteks ini akan meransang proses thalamic yang mewujudkan ekspresi emosi tertentu. Cannon menyatakan;

'...the peculiar quality of emotion is added to simple sensation when the thalamic processes are aroused'. (m.s 15)

2.2.3 Teori Emosi McDougall

McDougall (1928) dalam teorinya cuba membezakan antara emosi dan perasaan. Teorinya juga bergantung kepada asas-asas fikiran terhadap faktor biologi. Beliau mempercayai bahawa kemampuan untuk mencapai matlamat yang menguntungkan ialah dengan pendekatan psikologi kerana semua tingkahlaku yang wujud adalah hasil dari cara seseorang itu mencari makan, menyelamatkan diri atau cuba mengelak dari sesuatu yang bahaya. Beliau memberi andaian bahawa semua emosi dan perasaan yang terbentuk adalah dari hubungan proses asas tadi. McDougall juga menyatakan hanya terdapat dua perasaan yang wujud iaitu perasaan yang menggembirakan dan perasaan yang menyakitkan, di mana perasaan ini yang akan mengubah segala bentuk tingkahlaku manusia.

2.2.4 Teori Emosi Watson

Watson (1929) merupakan orang yang pertama menyumbangkan teori emosi tingkah laku. Walau bagaimana pun dia lebih menekankan aspek-aspek psikologi selain dari aspek tingkah laku. Beliau menyatakan;

...An emotion is an hereditary "pattern-reaction" involving profound changes of the bodily mechanism as a whole, but particularly of the visceral and glandular systems'.(m.s18).

Dalam teori ini, Watson membezakan antara emosi dan tindakan naluri. Beliau telah membuat pemerhatian ke atas kanak-kanak dan mendapati terdapat tiga asas kepada tindakan beremosi iaitu takut, marah dan sayang.

2.2.5 Teori emosi Lindsley

Lindsley (1950) mengemukakan teori emosi yang lebih terbuka kepada aspek-aspek tingkah laku. Walau bagaimana pun beliau menekankan faktor neuropsikologi lebih daripada faktor tingkah laku. Teori ini mengemukakan kepercayaan berdasarkan kajian mengenai emosi iaitu 'diencephalic' dan 'limbic systems' adalah bahagian yang mengawal ekspresi emosi, tingkah laku beremosi dan juga tingkah laku bermotivasi.

2.2.6 Teori Emosi Bindra

Bindra (1959) mengemukakan teori emosi dengan memperkemaskan kajian mengenai faktor neuropsikologi terhadap emosi dan motivasi. Beliau mencadangkan kedua-dua fenomena beremosi dan bermotivasi lebih baik digolongkan sebagai satu konstruk, iaitu 'central motive state (CMS). Beliau mencadangkan bahawa segala tindakan adalah interaksi antara faktor rangsangan persekitaran dan faktor perubahan fisiologi. Beliau juga percaya bahawa segala interaksi ini bermula di otak dan kemudian melibatkan hubungan faktor persekitaran dan juga tindakan fisiologi oleh sekumpulan saraf-saraf yang akhirnya keadaan ini menghasilkan CMS.

2.2.7 Teori Emosi Pribram

Pribram (1970) dalam teorinya cuba membezakan dunia 'objective' yang mengandungi berbagai data-data dengan dunia 'subjective' yang penuh dengan pelbagai perasaan. Beliau menyatakan bahawa tidak ada bukti yang mana untuk kita mengembangkan dunia objektif mesti bergantung kepada dunia subjektif. Dalam perkataan lain, sekiranya kita tidak mempunyai bukti terhadap sesuatu yang kita lihat, dengar, bau, rasa atau sentuh, tetapi kita boleh merasainya (feeling) dalam diri kita. Perasaan ini Pribram perkenalkan sebagai 'Feeling as monitors'. Pribram mempercayai bahawa kita tidak merancang untuk merasa gembira, sedih atau marah; sebaliknya perasaan itu dengan mudah wujud samada merasai gembira, sedih atau marah.

2.2.8 Teori Emosi Lazarus

Lazarus (1970) menekankan pentingnya faktor kognitif dalam emosi. Bagaimana pun beliau menekankan juga pentingnya faktor biologi dan aspek-aspek budaya. Beliau menyatakan;

'...each emotional reaction....is a function of a particular kind of cognition or appraisal'. (m.s 29)

Lazarus memperkenalkan tindakan beremosi kepada tiga peringkat iaitu tingkahlaku, psikologi dan kognitif atau subjektif.

2.2.9 Teori Emosi Leeper

Leeper (1948) menegaskan bahawa emosilah yang menyerap kedalam semua tingkahlaku samada secara dirancang atau diransang. Emosi juga mengawal tingkahlaku seseorang tanpa disedari.

2.2.10 Teori Emosi Biososial

Teori ini mempercayai bahawa setiap manusia adalah makhluk yang beremosi dalam beberapa deria iaitu, mereka mempunyai kebolehan untuk melahirkan tahap-tahap emosi, keupayaan untuk menterjemah pelbagai bentuk emosi, menerima syarat-syarat awal emosi bagi mempamerkan maksud sebenar dan mereka mempunyai keupayaan untuk mengurus, memanipulasikan dan mengawal emosi.

Jadual 2.1 di bawah menunjukkan bagaimana emosi-emosi utama dikembangkan kepada pelbagai emosi.

Jadual 2.1: Perkembangan Emosi

(1) Emosi Utama	(2) Lingkungan emosi	(3) First-order kombinasi*
Kegembiraan	Kepuasan Puas hati Kasih sayang Cinta	Megah, bersyukur, harap, hajat Hairan (takut) Berdendam (marah) Gembira, khayal (takjub)
Ketakutan	Amat takut Kebimbangan Khuatir Kebencian	Gerun (gembira) Salah, iri hati (marah) Bimbang (sedih) Kebingungan, (terkejut)
Marah	Menyakit hati Benci Tidak suka Dihina Suka berkelahi	Malu, benci, cemburu (takut) Menyepi (kegembiraan) Kemuraman (sedih) Mengamuk, berang terperanjat)
Kesedihan	Sabar mengenang nasib Jemu Kedukaan	Kerinduan (gembira) Penuh harapan (takut) Pilu, bosan (marah) Cresfallen (surprise)
Terperanjat	Mengejutkan Ketakjuban Kehairanan	Menyeronokkan (gembira) Terkejut (takut) Jijik (marah) Disappointment (sadness)

sumber: Jonathon H. Turner 1996. pg 7

Jadual 2.1 menerangkan setiap emosi utama dalam lajur pertama (1) adalah dipasangkan dengan emosi-emosi utama yang ditunjukkan dalam kurungan dilajur berikutnya. Sebagai contoh, baris yang pertama dalam lajur (3) megah, bersyukur, mengharap, berhajat dan kehairanan adalah dikombinasikan dengan kegembiraan dan ketakutan.

Proses kematangan emosi berlaku terus menerus dari zaman kanak-kanak hingga mencapai zaman remaja dan dewasa, setiap individu terus menerus menajamkan kefahaman mereka tentang pengalaman emosi. Kadangkala mereka melahirkan emosi yang berbeza dengan emosi dalam mereka yang sebenar (Harris, 1981). Tambahan lagi pada peringkat remaja manusia telah dapat mengawal emosi mereka untuk disesuaikan dengan apa yang mereka rasa dalam situasi tertentu dan mereka tahu bagaimana meluahkan atau menyembunyikan emosi mereka supaya bersetujuan dengan norma budaya mereka (Harris, 1994). Tabiat menyembunyi emosi sebenar ini tidaklah begitu baik diamalkan kerana bila seoarang kanak-kanak itu membesar, maka mereka bertabiat menyembunyikan emosi sebenar mereka.

2.2.11 Teori Emosi Dworetzky

Dalam mana-mana teori emosi, iaanya mesti melibatkan peristiwa yang berlaku dengan perasaan dan tindakan. Dworetzky (1991) menerangkan emosi sebagai respon dari stimulasi peristiwa yang berlaku. Dengan andaian sekiranya seseorang itu terlihat beruang, maka emosi yang wujud ialah perasaan takut.

Tindakan dari kesan emosi ialah orang itu akan lari kerana takut. Jadi peristiwa terlihat beruang akan menimbulkan perasaan takut dan diikuti dengan tindakan lari kerana takut.

Secara teorinya, kewujudan emosi bergantung kepada sejarah perkembangan remaja itu sendiri dan penglibatannya dalam sesuatu pengalaman yang mana akhirnya jenis emosi yang dominan akan mempengaruhi tindakan yang berlaku. (Compas & Wagner, 1991).

Oleh itu dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teori ini untuk menerangkan bahawa setiap tingkahlaku samada negatif atau positif mempunyai hubungan dengan emosi mereka.

2.2.12 Teori Kebimbangan Psikoanalisa frued

Frued merupakan orang yang mula-mula mengulas kebimbangan secara saintifik. Frued memfokuskan kebimbangan sebagai masalah utama memahami keceluaran emosi dan psikologi dan menganggap bahawa kebimbangan merupakan fenomena asas dan merupakan masalah utama bagi neurosis.

Frued (1927) menjelaskan, kebimbangan perlu dilihat samada berbentuk objektif ataupun neurotik. Kebimbangan objektif atau kebimbangan biasa ialah tindakbalas kepada ancaman luar seperti kematian, kelahiran atau menghadiri temuduga. Kebimbangan ini merupakan reaksi semulajadi dan ia adalah

rasional dan berfungsi untuk mempertahankan kendiri. Kesediaan yang timbul secara automatik ini merupakan satu fungsi penting kerana melindungi individu dari ancaman yang mendadak. Kebimbangan objektif ini sebenarnya tidak menimbulkan masalah psikologi.

Frued (1977) menerangkan bahawa persediaan untuk menghadapi kebimbangan merupakan punca utama yang menimbulkan kebimbangan neurotik. Kebimbangan ini meningkat kerana jumlah kebimbangan yang dialami tidak setara dengan ancaman yang dihadapi. Persoalan kebimbangan tertumpu kepada peranan libido. Apabila tenaga libido dipendam, ia akan bertukar kepada kebimbangan bebas atau pun satu simptom bimbang.

Frued juga mengatakan kebimbangan berpunca dari renjatan emosi kelahiran (birth trauma) dan takutkan kembiri (fear of castration). Kesan emosi yang timbul dari kebimbangan adalah dari hubungan pengalaman lepas yang signifikan.

Kesimpulannya, kebimbangan adalah pengalaman emosi yang menyakitkan, respon kepada ego untuk merangsangnya tidak dapat dikawal (Frued, 1927). Untuk mengatasi pengalaman pahit itu, rasa ego selalu menggunakan mekanisme bela diri seperti teknik untuk menyembunyikan perasaan duka, atau menunjukkan realiti dalaman atau luaran yang palsu , dan perasaan bimbang dan takut adalah sinonim (Donelson, 1973).

2.2.13 Teori Terapi Realiti

William Glasser (1969) memperkenalkan Terapi Realiti dengan andaian berikut mengenai sifat-sifat tabii manusia, dan berdasarkan andaian inilah terapis realiti mengatur strategi dan tindakan-tindakannya.

Terapi realiti mempercayai bahawa setiap individu biar apa sekali pun latar belakang budayanya, mempunyai satu keperluan pokok iaitu untuk mempunyai satu identiti. Identiti yang dipunyai oleh seseorang individu itu berbeza dengan identiti yang dimiliki oleh orang lain, dan perbezaan ini dapat dilihat dari segi tingkahlaku, perasaan, pemikiran, destini dan lain-lain lagi. Identiti ini boleh dibahagikan kepada dua golongan yang besar iaitu, Identiti berjaya dan Identiti gagal.

Terapi Realiti juga yakin bahawa di dalam diri setiap individu terdapat 'tenaga untuk berkembang' tenaga inilah yang akan sentiasa mendorong individu untuk berfikir, merasa, dan bertindak dengan cara-cara tertentu yang akhirnya akan membawa kepada indentiti berjaya atau identiti gagal. Individu juga mempunyai keperluan asas untuk mengasihi orang lain, dan seterusnya untuk dikasihi oleh orang lain.

Emosi terganggu yang dirasai oleh seseorang itu adalah hasil daripada tingkahlaku yang tidak sesuai atau tidak kena. Justru itu, bagi mengelakkan emosi yang tidak tenteram ini, seseorang itu hendaklah bertindak dengan cara

yang sesuai dan kena. Masalah penyesuaian yang dihadapi oleh individu itu timbul dari kegagalan individu untuk memenuhi keperluan-keperluannya.

2.3 Teori Kenakalan Remaja (delinquence)

Terdapat tiga pandangan yang diterima umum menghuraikan tentang kenakalan remaja.

2.3.1 Teori Biogenic

Teori Biogenic ini merujuk kepada tingkahlaku kenakalan yang dilakukan kerana faktor penyakit (etiological) yang mana remaja berkelakuan berkenaan kerana mempunyai bentuk badan yang secara biologinya tidak normal. Kelakuan kenakalan ini disebabkan juga faktor keturunan seperti 'endocrine imbalance or brain pathology'. Bentuk badannya dengan secara semula jadi mendorong remaja ini berkelakuan nakal.

Terdapat kes-kes yang disebabkan oleh organik atau faktor biologi yang mana secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi tingkahlaku delinkuen. Remaja yang mengalami kekurangan kematangan dalam perkembangan saraf otaknya, akan menyebabkan berlakunya ketidakfungsian sistem saraf yang boleh menyebabkan tingkahlaku delinkuen berlaku

(Voorhees, 1981). Keadaan ini bukanlah disebabkan fungsi kognitifnya, maka kes juwana seperti ini tidak dilakukan kerana berdasarkan pengetahuan mereka.

Mednick dan Christiansen (1977), telah menunjukkan bahawa kes-kes jenayah disebabkan Sistem Saraf Autonomi (ANS) adalah lebih lambat untuk dipulihkan jika dibandingkan dengan kes-kes yang berdasarkan persekitaran.

2.3.2 Teori Psikogenic

Mengikut teori psikogenic, si perlakunya mempunyai berbagai sifat, dan kelakuan mereka ini dapat memberi tahu kita bahawa tingkahlakunya adalah respon daripada masalah psikologi (psychological pathology).

Antara faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkahlaku delinkuen ialah bila wujudnya emosi tidak gembira. Kebanyakan remaja yang tidak gembira adalah hasil dari keluarga yang berpecah. Persekuturan kekeluargaan adalah faktor yang lebih penting mempengaruhi tingkahlaku delinkuen jika dibanding dengan peranan struktur familiinya (LeFlore, 1988). Ini bermakna tidak semestinya keluarga yang berpecah akan mendatangkan remaja yang bersedih. Apa yang lebih penting ialah persekitaran atau suasana keluarga itu sendiri.

Dari sudut psikologi, hubungan ibu bapa dengan remaja adalah penting. Bagi remaja lelaki dan remaja perempuan, mereka lebih rapat dengan ibu atau emak mereka adalah suatu perkara yang biasa. Tetapi bagi remaja lelaki yang

lebih rapat dengan bapa mempunyai hubungan yang lebih dekat kepada tingkahlaku delinkuen (Johnson, 1987). Gaya tingkahlaku ibu bapa mempengaruhi tingkahlaku anak-anak mereka di dalam keluarga. Johnson dan O'Leary (1987) dalam kajian mereka mendapati ibu bapa yang suka bergaduh antara mereka, akan mendapati anak-anaknya, terutama anak perempuan sebagai anak yang bermasalah.

Tidak ada jenis-jenis personaliti yang boleh disamakan dengan kenakalan remaja. Tetapi telah diketahui bahawa remaja yang bertingkahlaku delinkuen adalah lebih tegas menurut gaya sosial mereka seperti ingkar, mempunyai nilai yang bertentangan dengan peraturan, mudah tersinggung, suka bergaduh, suka menuduh, suka memusnahkan sesuatu, cenderung memaksa dan kurangnya kawalan diri (Curtis, Feczko, & Marohn, 1979).

Sesetengah remaja sangat suka menafikan bahawa mereka ada masalah, suka mengelak dari mengambil tanggungjawab atas tindakan mereka, dan seterusnya suka menyalahkan orang lain bila mereka mendapat kesusahan (Mitchell & Dodder, 1983). Oleh itu banyak kes yang ditemui bahawa remaja yang melakukan tingkahlaku delinkuen adalah sebab gangguan emosi mereka seperti takut, bimbang atau bermusuhan. Walsh dan Beyer (1987) menemui bahawa sebab-sebab remaja berkelakuan delinkuen kerana mereka tidak mendapat kasih sayang yang cukup semasa mereka membesar.

2.3.3 Teori Sosiogenic

Teori ini menerangkan pelbagai tingkah laku kenakalan yang disebabkan keadaan struktur sosial. Kelakuan ini selalunya dirujuk kepada proses pembelajaran dari kumpulan mereka (gangs). Kumpulan ini selalu dicap sebagai bermasalah oleh masyarakatnya.

Menurut teori ini antara faktor sosial yang menyumbang kepada tingkah laku kenakalan juwana ialah status ekonomi, kemewahan dan nilai-nilai budaya, keganasan dalam masyarakat dan media, penggunaan alkohol dan dadah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh jiran dan masyarakat, perubahan budaya dan sosial dan latar belakang keluarga.

2.3.4 Teori 'Gelora' dan 'tekanan'

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teori 'Gelora' dan 'Tekanan' yang dikemukakan oleh Standley Hall (1904) sebagai latar belakang. Mengikut Hall perkembangan sosial bagi seseorang remaja merupakan satu masa yang penuh gelutan hasil daripada remaja itu melalui proses mula mengenali dirinya sendiri tapi dalam masa yang sama remaja perlu mengenali kehendak-kehendak sosio budayanya atau kehendak-kehendak masyarakat sekelilingnya. Proses sosiolisasi ini bagi remaja merupakan masa 'gelora' dan 'tekanan'. Hal ini berlaku sebab segala gejala yang timbul itu merupakan akibat daripada proses perkembangan peribadiya yang mengandungi beberapa unsur, iaitu

kedewasaan, seksual, pencarian identiti, keinginan material yang tidak terkawal dan kurangnya disiplin diri. Disamping itu remaja juga akan menerima pelbagai tekanan dari masyarakat yang mungkin sukar di atasi oleh seorang remaja. Menurut Hall (1904) pelbagai tekanan ini akan menyebabkan remaja tersebut mengalami masalah yang berbeza-beza berdasarkan ciri-ciri individu, persekitaran ekonomi, sosial dan tahap pendidikan mereka.

Kesimpulannya, penyelidik ingin meninjau masalah kenakalan remaja yang dilakukan oleh golongan remaja sekolah samada mempunyai hubungan atau tidak dengan status emosi mereka. Penyelidik juga ingin membuktikan beberapa teori yang dikemukakan ini dan juga ingin melihat perkaitannya dengan tinjauan literatur lampau samada ianya dapat menyokong atau sebaliknya.

2.4 Faktor Penyumbang Gangguan Emosi Bagi Remaja

Zaman remaja adalah masa yang amat genting dalam perkembangan seseorang individu. Pada masa ini berlakunya perubahan yang drastik terhadap diri mereka dari segi kognitif, sosial, emosi dan fizikal. Semasa berlakunya perubahan ini mereka akan mengalami pelbagai masalah yang membawa kepada tekanan dalam hidup (Compas, 1987). Banyak kajian yang telah dilakukan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dialami oleh para remaja sekolah samada di dalam mahupun diluar negara: Kaedah-kaedah

kajian juga pelbagai iaitu meliputi kaedah temubual, senarai semak masalah, soal selidik dan juga melalui kaedah penulisan essay oleh responden.

Tingkah laku kenakalan semasa remaja dan juga awal dewasa termasuklah sikap agresif, penggunaan dadah, mengambil alkohol dan aktiviti jenayah adalah hasil dari tingkahlaku yang bermasalah semasa kanak-kanak dan juga disebabkan oleh rakan-rakan delinkuen (Brook, Whiteman, & Gordon, 1983).

Spirito, Stark, Grase dan Stamoulis (1991) telah menjalani kajian ke atas 666 orang pelajar remaja yang berumur antara 10 hingga 15 tahun. Kajian dibuat ke atas beberapa buah sekolah di kawasan pedalaman Pulau Rhode. Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau masalah yang dihadapi dan strategi menangani masalah di kalangan pelajar remaja. Responden dikehendaki menjawab soal selidik masalah dan strategi menanganinya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa masalah yang sering di alamai oleh mereka ialah berkaitan dengan sekolah, tidak sehaluan dengan adik beradik, konflik dengan ibu bapa, dan masalah dengan rakan sebaya. Penyelidik membuat analisis statistik ujian Khi-Kuasa Dua untuk menentukan samada terdapat perbezaan masalah pada tahap umur dan jantina berlainan. Hasil ujian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan masalah yang dihadapi pada peringkat umur dan jantina yang berlainan. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa pelajar remaja samada lelaki atau perempuan menghadapi masalah yang sama. Para penyelidik ini juga telah menggunakan analisis statistik MANOVA untuk melihat jenis-jenis strategi yang diambil untuk mengatasi masalah berdasarkan

pembolehubah seperti umur, jantina dan jenis masalah yang dihadapi. Keputusannya menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga pembolehubah ini. Antara strategi yang sering digunakan oleh responden ialah cuba menyelesaikan sendiri masalah mereka (88%), berbincang dengan rakan (68%) dan berbincang dengan ahli keluarga (83%). Dapatan ini menjelaskan bahawa para remaja sekolah lebih gemar menyelesaikan sendiri masalah mereka, tetapi dalam situasi-situasi tertentu mereka juga berbincang dengan orang lain yang dianggap dapat membantu mereka.

Culp, Mc Donald, Clayman dan Culp (1995) telah menjalankan kajian terhadap 220 orang pelajar remaja iaitu 186 orang (84.5%) dalam gred 9 – 12 dan 34 orang (15.5%) dalam gred 6 – 8. Umur pelajar-pelajar tersebut ialah diantara 11 hingga 18 tahun dengan umur purata 15 tahun. Tujuan kajian mereka ialah untuk meninjau masalah-masalah peribadi yang dialami dan bagaimana para remaja ini menghadapi masalah mereka. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima masalah peribadi yang menjadi gangguan utama kepada mereka iaitu kesunyian (66%), masalah-masalah berkaitan dengan sekolah (64%), perasaan tidak puas hati terhadap diri sendiri (55%), mengalami tekanan (54%) dan masalah-masalah yang berkaitan dengan rakan sebaya (50%). Dapatan ini menunjukkan bahawa para remaja ini begitu tertekan akibat daripada ketidakmesraan hubungan antara keluarga dan rakan sebaya.

Dalam kajian ini, enam faktor yang mengganggu emosi telah disenarai sebagai faktor-faktor yang dikaji. Antara faktor-faktor tersebut ialah gangguan

emosi yang berkaitan dengan peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan juga faktor persekitaran.

Tinjauan kajian lampau berkenaan faktor-faktor gangguan dibincangkan seperti dibawah.

2.4.1 Gangguan Emosi Yang Berkaitan Dengan Peribadi

Perkara yang berkaitan dengan masalah peribadi seperti penampilan diri, masalah kerjaya, masalah kesihatan dan masalah kekurangan masa juga boleh menjadi faktor tekanan kepada pelajar.

Rierdan dan Koff (1977) dalam kajiannya terhadap 175 pelajar perempuan gred enam yang kesemuanya berkulit putih dengan min umur 11.5 tahun yang bersekolah dalam lingkungan masyarakat kelas menengah dan kelas atasan di Boston. Gadis-gadis ini menjawab soal selidik dengan kebenaran ibu bapa mereka berkenaan perkembangan biologikal, psikologikal dan sosial. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan antara 'Body mass index' (BMI) dengan berat seseorang dalam hubungan dengan aspek imej dan berat badan yang menjadi kaitan dengan punca-punca kemurungan.

Jamaliah Ahmad (1988) telah membuat kajian ke atas 400 orang pelajar dari dua buah sekolah di kawasan bandar dan dua buah sekolah dari kawasan luar bandar. Beliau telah menggunakan alat pengukuran 'Senarai Semak

Masalah Mooney'. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masalah yang paling utama dihadapi oleh para pelajar remaja ialah dalam bidang kerjaya, keduanya masalah dalam pelajaran dan ketiganya masalah peribadi psikologi. Beliau juga mendapati bahawa pelajar-pelajar di bandar menghadapi masalah pelajaran, diikuti oleh masalah kerjaya dan peribadi psikologikal. Masalah peribadi yang banyak dihadapi ialah berkaitan dengan masalah kendiri, emosi dan ekonomi. Manakala di kalangan pelajar luar bandar pula masalah kerjaya merupakan masalah utama diikuti oleh pelajaran dan peribadi psikologi. Masalah kerjaya yang banyak dihadapi ialah yang berkaitan dengan masalah kekurangan pengetahuan kerjaya, latihan kerja, pemilihan kerja dan jangkaan kerja pada masa depan.

Zakiah Daradjat (1984) telah membuat satu kajian tentang masalah remaja di Indonesia dengan menggunakan Soal Selidik Masalah Mooney. Kajian ini dilakukan terhadap 404 orang pelajar remaja lelaki dan 283 orang pelajar remaja perempuan. Analisis data deskriptif terutamanya frekuensi dan peratusan digunakan untuk mentafsirkan dapatan kajian ini. Hasil daripada penelitian beliau itu terbukti bahawa para remaja mengalami berbagai-bagai masalah peribadi; antara masalah yang penting ialah masalah yang berhubung dengan pemilihan pekerjaan dan kesempatan belajar serta masalah kehidupan di sekolah. Di samping itu juga mereka mengalami masalah kesihatan, keadaan kewangan, hubungan seks dan persiapan untuk berkeluarga. Masalah sosial juga sangat mengganggu kehidupan. Sementara masalah yang kurang mereka rasakan ialah yang berhubung dengan masalah agama dan akhlak.

Berdasarkan kajian Kendall, Catwell dan Kazbin (1989) pelajar-pelajar remaja juga menghadapi masalah psikologi akibat daripada faktor-faktor kognitif. Mereka akan berperasaan malu, mudah tersinggung dan mudah putus asa apabila menyedari bahawa mereka mempunyai keupayaan kognitif yang lemah. Dapatan ini juga bersamaan dengan hasil kajian oleh Wayne dan David (1995). Mereka mengkaji masalah di kalangan 45 orang remaja yang berumur antara 13 hingga 16 tahun. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 75% daripada remaja-remaja ini mengalami masalah berhubung dengan perkembangan kognitif yang lambat. Keadaan ini akan menyebabkan mereka mempunyai penghargaan kendiri yang rendah dan pessimif terhadap masa hadapan. Di samping itu mereka juga menghadapai masalah sosial iaitu pergaulan kerana sering menganggap diri mereka kekurangan berbanding dengan orang lain.

Masalah psikologi juga berlaku akibat daripada perubahan biologi dan juga perubahan sosial. Perubahan biologi yang dimaksudkan ialah baligh dan perubahan bentuk badan, sementara perubahan sosial ialah perubahan daripada suasana bersekolah di sekolah rendah kepada suasana di sekolah menengah. Hal ini akan menyebabkan remaja tersebut mengalami masalah seperti gugup, bimbang, tidak gembira, suka berkhayal, mudah lupa , dan mudah merasa sedih. Perkara ini dibuktikan oleh David dan Chan (1995) dalam kajiannya ke atas 161 remaja Cina (37 lelaki dan 124 perempuan) yang berumur antara 15 hingga18 tahun. Sample ini terdiri daripada pelajar-pelajar empat buah sekolah menengah aliran sastera di HongKong. Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau masalah-masalah yang membawa kepada

tekanan emosi di kalangan pelajar remaja dan cara mereka menghadapinya. Penyelidik telah menggunakan alat ukuran 'Beck Depression Inventory' , 'Ways of Coping Questionaire' dan 'Self-Esteem Inventory'. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa lebih 70% daripada responden menghadapi masalah tekanan emosi akibat daripada tugas-tugas sekolah yang banyak. Mereka sering keletihan dan suka menyalahkan diri sendiri. Remaja perempuan ini juga menghadapi masalah dari segi perkembangan fizikal seperti merasa terlalu kurus atau terlalu gemuk, sering gagal, konsep kendiri yang rendah dan selalu beranggapan pessimif. Kajian ini menjelaskan bahawa para remaja sering menghadapi masalah psikologi yang akan memberi tekanan emosi kepada mereka.

Baron dan Joly (1988) telah menjalankan kajian terhadap 249 pelajar (152 orang perempuan, 97 orang lelaki) yang berumur antara 12 hingga 17 tahun di beberapa buah sekolah di Barat Quebec. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbezaan kadar tekanan yang di alami oleh remaja berdasarkan jantina. Alat ukuran yang digunakan ialah 'Beck Depression Inventory' yang mempunyai 21 item. Inventori ini dapat mengukur tekanan dari segi emosi, tingkah laku dan kognitif. Alat ukuran ini mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan 0.79. Hasil daripada kajian ini mendapatkan bahawa golongan remaja banyak mengalami masalah psikologikal, tetapi terdapat perbezaan di antara remaja lelaki dengan remaja perempuan. Min skor tekanan bagi remaja perempuan ialah 21.50 dan remaja lelaki 20.47. Keputusan ini menjelaskan bahawa remaja perempuan mempunyai kadar tekanan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki. Bidang masalah yang sering dialami oleh remaja perempuan ialah yang berkaitan dengan masalah bentuk badan, kesedihan dan

sering tidak berpuas hati. Manakala remaja lelaki lebih kerap menghadapi masalah emosi seperti perasaan kerap marah, penghalangan kerja, sukar berinteraksi dengan masyarakat dan kesukaran untuk tidur.

Dapatkan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Berger dan Schenchter (1989). Para penyelidik ini telah menjalankan kajian ke atas 62 orang remaja sekolah (30 orang lelaki dan 32 orang perempuan) yang berumur antara 12 hingga 17 tahun. Alat ukuran yang dibinakan ialah 'Skala tekanan Renolds' yang mempunyai 30 item dan nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu alpha = 0.91. Keputusan daripada kajian ini mendapati bahawa pelajar remaja perempuan mempunyai skor tekanan yang tinggi berbanding skor pelajar lelaki. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa pelajar remaja perempuan lebih banyak menghadapi masalah yang akan memberi lebih tekanan emosi kepada mereka. Antara masalah yang disenaraikan termasuklah masalah berkaitan dengan pengalaman-pengalaman di sekolah, kerjaya , perhubungan dengan ibu bapa dan sukar untuk menerima perubahan yang berlaku ke atas ciri-ciri fizikal serta masalah psikologikal.

2.4.2 Gangguan Emosi Dari Ibu Bapa Dan Keluarga

Paterson, Pryor dan Field (1995) telah menjalankan kajian terhadap 493 orang pelajar di beberapa buah sekolah menengah di Auckland. Responden terdiri daripada 253 perempuan dan 240 lelaki yang dikumpulkan dalam empat kategori umur iaitu 13, 15, 17, dan 19 tahun. Objektif utama kajian ini adalah

untuk melihat kolerasi hubungan rapat dengan ibu bapa dan rakan terhadap penghargaan kendiri remaja. Alat ukuran yang digunakan ialah 'The Inventory of parent and Peer Attachment' untuk mengukur hubungan rapat dan 'The Rosenberg Self-Esteem Scale' untuk mengukur penghargaan kendiri. Hasil daripada analisis statistik kolerasi Pearson menjelaskan bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara hubungan rapat ibu bapa serta rakan dengan penghargaan kendiri remaja. Sebagai rumusannya, remaja yang mempunyai hubungan rapat dengan ibu bapa serta rakan mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi berbanding dengan mereka yang menghadapi masalah hubungan yang tidak mesra samada dengan ahli keluarga atau rakan sebaya.

Masalah komunikasi antara ibu bapa juga merupakan salah satu masalah yang sering di alami oleh para remaja dan akan memberi banyak tekanan emosi kepada mereka. Stivers (1988) telah menjalankan kajian terhadap 411 remaja dan ibu bapa mereka bagi membuktikan hal ini. Penyelidik menggunakan alat ukuran 'The Parents-Adolescent Communication Inventory' (PACI) yang mengandungi 40 item untuk mengukur tahap komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak remaja mereka. Alat ukuran 'The suiside- Depression Inventory' (SDI) pula digunakan untuk mengukur kadar tekanan yang dialami. Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa kolerasi skor PACI dan SDI antara ibu dengan anak remaja adalah signifikan, manakala skor bapa adalah tidak signifikan. Sebagai rumusannya dapatan ini menjelaskan bahawa masalah komunikasi antara golongan remaja dengan ibu bapa mereka lebih banyak memberi tekanan dan hal ini akan juga mempengaruhi tingkahlaku dan emosi mereka.

Holahan, Velantinner dan Moos (1995) telah menjalankan kajian untuk melihat perkaitan antara sokongan ibu bapa dengan keadaan psikologi remaja. Kajian ini melibatkan 241 remaja (169 perempuan, 72 lelaki) yang berumur 18 tahun di Universiti Texax di Austin. Hasil daripada analisis varians menunjukkan bahawa sokongan daripada ibu bapa yang tinggi akan mengurangkan kadar tekanan emosi yang dihadapi. Dapatan ini menjelaskan bahawa sokongan ibu bapa adalah penting bagi mengurangkan masalah psikologikal yang dialami oleh para remaja.

Dapatan kajian Paterson (1995) juga mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan terdahulu oleh Long (1986). Beliau telah mengkaji kesan penceraian ibu bapa terhadap penghargaan kendiri remaja perempuan. Kajian ini melibatkan 199 orang remaja perempuan di sebuah kolej perempuan di Delaware. 49 orang daripada mereka mempunyai ibu bapa yang telah bercerai. Alat ukuran yang digunakan ialah Soal Selidik yang mengandungi item-item tentang keadaan kehidupan mereka iaitu samada bahagia atau tidak. Bagi mengukur penghargaan kendiri, penyelidik menggunakan 'The Rosenberg Self-Esteem Scale'. Hasil kajian menunjukkan bahwa terdapat kolerasi yang signifikan antara tahap kebahagian bersama keluarga dengan penghargaan kendiri ($r = 0.22$, $p = 0.001$). Sebagai rumusannya menjelaskan bahawa remaja yang menghadapi masalah penceraian dalam keluarga juga akan mengalami masalah penghargaan kendiri yang rendah iaitu mereka mudah sedih, bimbang, sering gugup dan mempunyai tahap kritik diri yang tinggi.

Khadijah Rohani Mohd. Yunus (1987) melihat murid-murid dari keluarga yang mempunyai status ekonomi yang rendah mempunyai markat ujian kecerdasan yang agak jauh lebih rendah berbanding dengan murid-murid dari status sosio-ekonomi yang tinggi, dan teori-teori yang mengatakan terdapatnya pertalian di antara sosio-ekonomi yang rendah dan lokas kawalan diri adalah benar.

2.4.3 Gangguan Emosi Yang Berkaitan Dengan Akhlak Dan Agama

Durkheim (1961) menyatakan bahawa sekiranya kepercayaan beragama menjadi lemah, maka secara automatik akan menyebabkan berlakunya keruntuhan moral di kalangan penganut agama tersebut. Orang yang lemah kepercayaan agamanya dengan sendirinya akan menolak nilai-nilai moral yang terkandung dalam ajaran agama tersebut.

Kajian oleh White (1991) di Bahamas telah menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam kadar perkembangan akhlak dan moral di kalangan remaja lelaki dan perempuan.

2.4.4 Gangguan Emosi Yang Berkaitan Dengan Rakan Sebaya.

Remaja yang mempunyai kawan rapat dan remaja yang boleh bergaul dengan orang ramai adalah remaja yang kurang terlibat dengan kes menyalah

gunakan dadah, minum arak, melanggar undang-undang atau pun ponteng sekolah jika dibandingkan dengan remaja yang menyisihkan diri dari masyarakat atau pun remaja yang dipinggirkan oleh masyarakat (Asher & Coie, 1990).

Remaja yang tidak mempunyai kawan selalunya mempunyai self-esteem yang rendah dan juga tidak ada kemahiran bersosial. Mereka yang mempunyai self-esteem yang rendah mempunyai peratus yang lebih tinggi untuk berkelakuan nakal atau melanggar disiplin sekolah atau pun menjadi tidak berminat ke sekolah. Oleh itu mereka terus menderita kerana mempunyai tabiat sukar untuk berkawan. Akhirnya mereka akan terus mencari kawan-kawan yang tidak matang atau pun mencari rakan sebaya yang bermasalah kerana hanya kawan-kawan mereka inilah yang menyukai mereka (Bornstein & Bruner, 1990

Para remaja juga sering berhadapan dengan masalah perhubungan sosial dan psikologi akibat daripada faktor egocentrisme remaja. O'Conner (1995) telah menjalankan kajian ke atas 418 pelajar remaja yang berumur antara 12 – 19 tahun, di beberapa buah sekolah di Teluk Thunder, Ontario, Kanada. Beliau mendapati bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara egocentrisme remaja dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Mereka sering beranggapan diri mereka menjadi bahan perbualan oleh masyarakat sekeliling terutamanya orang dewasa. Oleh sebab itu timbulnya masalah-masalah konsep kendiri yang rendah seperti terlalu mudah merasa malu, penakut dan merasa rendah diri. Dalam perhubungan sosial pula mereka sentiasa berhadapan dengan mereka yang menghadapi tekanan emosi, di mana mereka dianggap

sombong atau bongkak dan ini akan menyebabkan mereka berusaha untuk menyisihkan diri daripada berinteraksi dengan orang dewasa khususnya.

Burke dan Weir (1978) dua orang penyelidik dari New York University telah menjalankan kajian ke atas 274 orang pelajar berusia 13 hingga 20 tahun yang dipilih dari 3 buah sekolah di Toronto. Satu set soal selidik yang terdiri dari 26 item mengenai punca-punca tekanan emosi telah diedarkan kepada pelajar yang dipilih sebagai responden. Hasil kajian mereka mendapati faktor penolakan rakan-rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan gangguan emosi pelajar yang dikaji.

2.4.5 Gangguan Emosi Yang Berkaitan Dengan Akademik Dan Sekolah

Kajian mengenai tekanan yang berpunca dari akademik telah banyak dijalankan di luar negara. Antara kajian itu ialah kajian yang telah dijalankan oleh West dan Wood (1973) ke atas 331 orang pelajar sekolah menengah dari 9 buah sekolah di Amerika Syarikat dengan menggunakan kaedah soal selidik. West dan Wood mendapati bahawa pelajar-pelajar yang menyatakan bahawa mereka menghabiskan banyak masa untuk menyelesaikan kerja sekolah lebih cenderung mengalami tekanan emosi berbanding rakan-rakan mereka yang memperuntukan masa yang sedikit. Terdapat 41.0% pelajar menyatakan bahawa mereka menghabiskan masa selama kurang dari 1 jam, 22.3% pelajar menghabiskan antara 1 hingga 2 jam dan 36.5% pelajar menyatakan bahawa mereka menghabiskan 3 jam atau lebih untuk menyiapkan kerja-kerja sekolah.

Terdapat 33.0% pelajar yang menyatakan bahawa kerja rumah yang banyak menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan aktiviti kegemaran.

Kementerian Pendidikan German telah menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah yang agak berbeza dari kaedah kajian yang biasa digunakan bagi mengenal pasti punca-punca tekanan pelajar. Seramai 6,863 orang pelajar telah diminta menulis karangan mengenai perkara yang menjadi punca tekanan. Perkara yang dicatatkan oleh paling ramai pelajar sebagai punca tekanan emosi ialah pencapaian yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. Pelajar juga menyatakan bahawa pencapaian kurang memuaskan dalam peperiksaan telah menyebabkan berlakunya konflik antara mereka dan ibu bapa mereka. Konflik tersebut juga merupakan punca tekanan emosi kepada mereka. (Neuber, 1988).

Kajian yang dijalankan oleh Dobson (1980) mendapati bahawa kegagalan memberi tumpuan kepada pengajaran guru, kesukaran memberi tumpuan ketika mengulangkaji pelajaran dan ulangan mata pelajaran yang terlalu banyak di ajar di sekolah juga merupakan punca tekanan emosi kepada pelajar.

Dalam kajian oleh Lim Hong Guan dan Sarojini Menon (1982) ke atas 770 orang pelajar remaja di empat buah sekolah menengah di Selangor dan dua buah sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati bahawa masalah yang kerap kali ditandakan oleh para remaja ini ialah masalah berkaitan dengan

peperiksaan dan ketakutan akan gagal dalam ujian atau peperiksaan. Mereka lebih mengakui tidak tahu cara belajar yang berkesan dan tidak boleh menumpukan perhatian dan suka menyalahkan sekolah, guru atau korikulum. Kesukaran dalam matematik merupakan masalah yang sangat mengganggu mereka. Daripada temuduga dan penulisan karangan oleh pelajar-pelajar terpilih, di dapatkan bahawa masalah berkaitan dengan keadaan dengan rumah tangga yang tidak sempurna juga amat mengganggu mereka.

Fadzillah Mohd. Ali (1989) juga menggunakan 'Senarai Semak Masalah Mooney' yang telah diubah suai untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan akhir remaja iaitu pelatih-pelatih di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel kajian seramai 278 guru pelatih telah digunakan. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa masalah yang utama dihadapi adalah yang berkaitan dengan masalah akademik, keinginan untuk meluaskan pengetahuan, kebimbangan terhadap peperiksaan, dan penggunaan bahasa Inggeris.

Dari kajian-kajian yang dibincangkan di atas, dapat dilihat bahawa antara perkara yang berkaitan dengan akademik yang boleh menjadi punca tekanan kepada pelajar ialah kerja rumah yang diberi oleh guru, peperiksaan yang bakal dihadapi, kegagalan memberi tumpuan kepada pengajaran guru, mata pelajaran yang membosankan dan masalah masa untuk mengulangkaji pelajaran.

Manakala gangguan emosi yang berkaitan dengan sekolah dapat dilihat dalam kajian oleh Dobbson, (1980) yang dibuat di England Utara juga

mendapati kesukaran yang dihadapi oleh pelajar untuk pergi ke sekolah adalah merupakan punca tekanan emosi kepada mereka. Dobson juga mendapati bahawa persekitaran sekolah yang bising dan peraturan sekolah yang terlalu ketat dan mengokong menjadi punca tekanan emosi kepada pelajar.

Di Malaysia, tidak banyak kajian dijalankann bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja sekolah. Hasil daripada penyelidikan dan pengkajian yang telah dibuat oleh penyelidik sendiri mendapati bahawa kajian-kajian terkini tentang isu ini amat berkurangan. Hal ini terbukti apabila penyelidik hanya dapat mengesan kajian-kajian yang dilakukan pada sekitar tahun 1970an dan 1980an. Antara yang menjalankan kajian ialah Chiam (1982). Hasil daripad kajian beliau terhadap 977 orang pelajar remaja dengan menggunakan 'Soal Selidik Masalah Mooney' di lima buah sekolah menengah iaitu 4 buah sekolah di Kuala Lumpur dan sebuah sekolah di Kajang mendapati masalah utama pelajar remaja ialah masalah penyelaras kepada kerja-kerja sekolah dan hubungan sosio dan psikologi. Pelajar sangat takut dan bimbang akan gagal dalam pelajaran. Bukti mereka bimbang ialah mereka menyatakan rasa sedih kerana tidak dapat menggunakan masa yang cukup untuk belajar, tidak tahu cara belajar yang berkesan dan takut mengeluarkan pendapat di kelas.

2.4.6 Gangguan Emosi Yang Berkaitan Dengan Persekutaran

Mayer (1965) menunjukkan sebab anak-anak berkelakuan buruk kerana emosi anak-anak yang tidak tenteram. Despert (1965) telah menunjukkan anak-anak yang mempunyai masalah emosi selalunya mempunyai perangai yang buruk. Mereka ini dikenali sebagai "neurotic" atau "psychotic". Mereka ini mempunyai gaya kelakuan yang jahat, buat salah, menentang, engkar, tidak dapat dibentuk dan tidak stabil. Kwareceus (1945) mendapati bahawa kebanyakan perlanggaran disiplin sekolah kerana pelajar terikut-ikut dengan perlakuan yang dilihat disekeliling kehidupan mereka. Perlakuan ini dianggap tidak bersalah oleh mereka dan dibawa ke sekolah. O'leary (1972) menyatakan bahawa anak-anak mempunyai masalah emosi yang dihadapi sepanjang hari. Justru perubahan ke alam remaja, kanak-kanak ini akan bertukar dari pasif atau menurut perintah ibu bapa kepada individu yang lebih berfikiran kritis dan mula mempersoal arahan-arahan yang diberi. Beliau juga berpendapat anak-anak yang terkeluar dari pengawasan ibu bapa mereka akan mencari rakan-rakan mereka untuk meneruskan kehidupan mereka dan untuk mencari hiburan. Namun demikian ada kalanya kanak-kanak ini terperangkap dengan kumpulan rakan-rakan yang tidak digemari oleh masyarakat seperti kumpulan kanak-kanak yang mengambil dadah, tidak bersopan santun, menipu, mencuri dan sebagainya. Kagan (1958) menyatakan bahawa pelajar-pelajar sekolah suka meniru kelakuan orang dewasa di sekeliling mereka. Apa yang dilakukan oleh orang dewasa akan diikut oleh mereka dan akhirnya mereka sering terperangkap dalam perbuatan melanggar didiplin sekolah. Willmott (1969) telah membuat kajian ke atas remaja di East London dan hasil kajian mendapati

kanak-kanak yang melakukan jenayah adalah kerana rasa keciwa dan gagal dalam hidup mereka. Mereka ini akan melakukan kegiatan seperti melanggar undang-undang, mencuri, mengacau, berkelakuan buruk dan sebaginya hanya untuk menarik perhatian masyarakat tentang kewujudan mereka dan masalah yang mereka hadapi. Willmont juga berpendapat bahawa perbuatan jenayah itu untuk melepaskan emosi tegang yang mereka hadapi.

Jelaslah bahawa persekitaran juga boleh menyumbang kepada tingkahlaku delinkuen dan akhirnya mengganggu emosi kanak-kank remaja hasil dari tindakan mereka.

2.5 Gangguan Emosi Dan Kaitannya Dengan Tingkahlaku Kenakalan.

Terdapat beberapa penemuan yang mengaitkan perlakuan salahlaku remaja sekolah dengan tekanan emosi yang mereka alami.

Kajian yang dijalankan oleh Vaux dan Ruggiero (1983) ke atas 531 orang pelajar sekolah menengah di California. Mereka mendapati bahawa tekanan emosi yang dialami oleh pelajar boleh mendorong pelajar melakukan jenayah seperti merosakkan harta benda orang lain, menyalahguna dadah dan mencuri.

Kajian yang dijalankan oleh Novy dan Donohue (1985) ke atas 55 orang pelajar yang melakukan pelbagai salah laku seperti ponteng sekolah di Texas

juga mendapati bahawa hubungan antara perbuatan salah yang dilakukan oleh pelajar disebabkan oleh gangguan emosi yang mereka lalui.

Copeland dan Hess (1995) telah membuat kajian terhadap 244 pelajar gred 9 iaitu 118 lelaki dan 166 perempuan yang mempunyai purata umur 14.4 tahun. Mereka mendapati bahawa terdapat perbezaan antara remaja lelaki dan perempuan. Remaja perempuan lebih cenderung memilih rakan-rakan, adik-adik dan ibu bapa untuk meminta pertolongan bila mereka menghadapi masalah, manakala remaja lelaki lebih cenderung melepaskan tekanan emosi mereka melalui perlakuan seperti bersikap kasar dan ganas lagi mengeluarkan perasaan marah dan menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi oleh mereka tanpa berbincang dengan sesiapa pun.

Roberta and Virginia (1997) dalam kajiannya melihat perbezaan antara jantina yang berkaitan dengan emosi marah dengan menggunakan pelajar sekolah menengah di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Kajian dibuat terhadap 287 remaja lelaki dan 270 remaja perempuan di mana mereka telah diberikan borang soal-selidik. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan emosi marah yang signifikan antara lelaki dan perempuan mengenai tahap marah secara total. Bagaimana pun analisis menunjukkan sesetengah hipotesis khas yang diuji menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam cara menunjukkan marah antara lelaki dan perempuan. Remaja lelaki lebih agresif bila menunjukkan marah.

Kajian yang dijalankan oleh Foster dan Clark (1989), mendapati bahawa remaja juga sering menghadapi masalah yang berkaitan dengan hubungan mereka dengan ahli keluarga. Sampel kajian ini terdiri daripada 231 orang remaja sekolah yang min umur mereka 14.5 tahun. Alat ukuran yang digunakan ialah 'The Autonomy- Relatedness Coding System' untuk menilai hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa. Hasil kajian menjelaskan bahawa para pelajar remaja berasa mereka sering dilayan seperti kanak-kanak, tidak sehaluan dengan adik beradik, tidak gembira apabila bersama dengan ibu bapa dan merasakan seolah-olah mereka tidak mempunyai keluarga. Konflik yang sebegini mempunyai kolerasi yang signifikan terhadap sikap melanggar disiplin di kalangan remaja sekolah.

Kesimpulannya, hasil penelitian sorotan literatur lampau mengenai hubungan gangguan emosi dengan tingkah laku jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara emosi terganggu dengan tingkah laku negatif atau tingkah laku gejala sosial. Samada kajian dari luar negara atau pun kajian tempatan, ianya menunjukkan terdapat persamaan tentang tingkah laku remaja. Ini bermakna remaja walau di mana mereka berada, tetap mempunyai tabiat yang sama bila terdapatnya gangguan emosi. Apa yang lazim berlaku dalam masyarakat kita ialah bila seseorang remaja melakukan kesalahan, melanggar disiplin sekolah dan sebagainya, maka masyarakat terus menghukum mereka. Jarang berlaku masyarakat mengambil kira faktor emosi remaja ini bila membuat keputusan. Oleh itu masyarakat kerap kali menambah masalah kepada seseorang remaja atau masyarakatnya sendiri. Tindakan yang salah

akan lebih mengganggu emosi remaja itu sendiri dan bukannya menyelesaikan masalah mereka.